

JAWATAN KOSONG KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PENOLONG JURUAUDIT**
Kod Skim : 4LW03
Jabatan : UNIT AUDIT DALAM, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN TERENGGANU
Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEWANGAN
Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

2. **JADUAL GAJI** : **GRED W5**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM 145.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) (i) sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM1,650.00);
- (ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM1,650.00);
- (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM1,893.00);
- (iv) Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang Pentadbiran Kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM2,136.00).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Juruaudit Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (b); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.